

20/12/2001

Ekonomi dunia dijangka pulih tahun depan

Azman Mahmood

KEDUDUKAN prestasi ekonomi dunia menunjukkan ada arah aliran perubahan positif yang dijangka pulih menjelang pertengahan tahun depan," kata Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, berasaskan perkembangan itu, secara tidak langsung memberi kesan baik kepada ekonomi negara dengan jangkaan permintaan pelbagai barangan negara akan meningkat membabitkan sektor pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan pelancongan yang mampu mencatatkan pertumbuhan positif tahun depan.

Katanya, kedudukan itu menjadi lebih baik dengan langkah fiskal diambil kerajaan menerusi meningkatkan perbelanjaan dalaman dan pakej rangsangan ekonomi menerusi pelaksanaan projek kecil luar bandar serta menaikkan gaji kakitangan awam yang berupaya merencanakan perkembangan ekonomi negara.

"Jadi, di segi ekonomi... tahun depan menjanjikan harapan lebih cerah terutama ramalan terkini menunjukkan ekonomi dunia akan pulih pertengahan 2002 dan dijangka mengalami pertumbuhan pesat.

"Apabila ekonomi dunia pulih maka permintaan barangan Malaysia akan meningkat serta tindakan kerajaan menambah perbelanjaan (dalam negara) termasuk dengan melaksanakan projek kecil luar bandar dan menaikkan gaji kakitangan awam, boleh merencanakan pertumbuhan ekonomi (negara) pada 2002.

"Saya juga optimis prestasi (ekonomi) negara tahun ini mencatatkan pertumbuhan positif walaupun pada suku ketiga, kadarnya merosot mencatatkan negatif," katanya kepada pemberita selepas mengadakan rumah terbuka sempena sambutan Aidilfitri, di kediamannya, di Jeli, kelmarin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed sebelum itu melahirkan keyakinannya prospek ekonomi negara tahun depan cerah kerana ada petunjuk pemulihan selepas serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat, pada 11 September lalu.

Perdana Menteri berkata, ekonomi Malaysia yang dijangka tumbuh antara 0.5 peratus dan satu peratus tahun ini, akan menjadi lebih baik.

Sebenarnya Malaysia mampu mencatatkan pertumbuhan ekonomi lebih besar pada masa depan kerana negara mempunyai pelbagai potensi sumber utama termasuk barisan kepimpinan cekap menghadapi sebarang cabaran dunia global.

Beliau mengakui cabaran tahun ini, seperti ancaman keselamatan kumpulan militan, demonstrasi jalanan dan peristiwa serangan pengganas ke atas Pusat Dagangan Dunia di Amerika Syarikat, 11 September lalu menyebabkan prestasi ekonomi negara turut terjejas.

"Kita bersyukur walaupun menghadapi pelbagai cabaran besar seperti itu, kerajaan berjaya mengharunginya. Yang penting dalam mengharungi tahun 2002, semua pihak mesti mempunyai keyakinan diri yang lebih baik," katanya.

(END)